



## **PENGARUH SOKONGAN PENDIDIKAN DALAM MENINGKATKAN MINAT KEUSAHAWANAN MURID SEKOLAH MENENGAH**

*THE EFFECT OF EDUCATIONAL SUPPORT IN INCREASING THE INTEREST  
IN ENTREPRENEURSHIP OF SECONDARY SCHOOL STUDENTS*

Shalini Devi a/p Gunasaigaran<sup>1</sup>, Sheerad Sahid<sup>2\*</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia  
Email: p118770@siswa.ukm.edu.my

<sup>2</sup> Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia  
Email: sheerad@ukm.edu.my

\* Corresponding Author

### **Article Info:**

#### **Article history:**

Received date: 15.01.2024

Revised date: 12.02.2024

Accepted date: 28.02.2024

Published date: 12.03.2024

#### **To cite this document:**

Gunasaigaran, S. D., & Sahid, S. (2024). Pengaruh Sokongan Pendidikan Dalam Meningkatkan Minat Keusahawanan Murid Sekolah Menengah. *Advanced International Journal of Business, Entrepreneurship and SMEs*, 6 (19), 221-238.

DOI: 10.35631/AIJBES.619016.

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



### **Abstrak:**

Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji pengaruh sokongan pendidikan yang terdiri daripada aktiviti di dalam bilik darjah dan aktiviti di luar bilik darjah terhadap minat keusahawanan murid sekolah menengah. Malaysia bermatlamat untuk melahirkan murid yang berminda keusahawanan, berdaya saing, berpengetahuan tinggi dan produktif melalui pendidikan. Namun, bilangan calon yang mengambil subjek Perniagaan masih rendah. Oleh itu, sokongan pendidikan sangat penting dalam mempengaruhi minat keusahawanan murid. Alat yang digunakan dalam kajian ini ialah soal selidik dalam talian dan data kajian telah dianalisis menggunakan Pakej Statistik Sains Sosial (SPSS) versi 25.0. Sampel kajian pula terdiri daripada 331 murid sekolah menengah di Kinta Utara, Perak yang dipilih secara rawak. Analisis deskriptif dan analisis inferensi iaitu analisis regresi linear berganda digunakan dalam kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap aktiviti di dalam bilik darjah dan aktiviti di luar bilik darjah berada pada tahap tinggi. Manakala, tahap minat keusahawanan murid sekolah menengah berada pada tahap sederhana tinggi. Seterusnya, dapatan kajian juga menunjukkan R kuasa dua ialah 0.415 dan signifikan pada aras  $P<0.05$ . Ini bermaksud sokongan pendidikan yang terdiri daripada konstruk aktiviti di dalam bilik darjah dan aktiviti di luar bilik darjah mempengaruhi minat keusahawanan murid secara positif. Selain itu, dapatan kajian ini juga menunjukkan kedua-dua konstruk sokongan pendidikan menyumbang secara signifikan terhadap minat keusahawanan. Hasil kajian ini boleh dijadikan rujukan oleh pihak bertanggungjawab untuk memperkasakan lagi aktiviti berkaitan keusahawanan di peringkat sekolah menengah.

### Kata Kunci:

Sokongan Pendidikan, Aktiviti Di Dalam Bilik Darjah, Aktiviti Di Luar Bilik Darjah, Minat Keusahawanan

### Abstract:

The objective of this study is to examine the influence of educational support consisting of activities in the classroom and activities outside the classroom on the entrepreneurial interest of high school students. Malaysia aims to produce students who are entrepreneurial, competitive, highly knowledgeable and productive through education. However, the number of candidates taking the Business subject is still low. Therefore, educational support is very important in influencing students' entrepreneurial interest. The tool used in this study is an online questionnaire and the study data was analyzed using the Statistical Package for Social Sciences (SPSS) version 25.0. The study sample consisted of 331 high school students in Kinta Utara, Perak who were randomly selected. Descriptive analysis and inferential analysis, namely multiple linear regression analysis, were used in this study. The findings of the study show that the level of activities in the classroom and activities outside the classroom are at a high level. Meanwhile, the level of interest in entrepreneurship among high school students is at a moderately high level. Next, the research findings also show that R squared is 0.415. This means that educational support that consists of the construction of activities in the classroom and activities outside the classroom positively affects students' entrepreneurial interest. In addition, the findings of this study also show that both constructs of educational support contribute significantly to entrepreneurial interest. The results of this study can be used as a reference by responsible parties to further strengthen entrepreneurship-related activities at the secondary school level.

### Keywords:

Educational Support, Activities In The Classroom, Activities Outside The Classroom, Entrepreneurial Interest

## Pendahuluan

Keusahawanan merupakan satu kerjaya yang mampu menjana pendapatan, mewujudkan peluang pekerjaan dan juga meningkatkan ekonomi negara (De Silva dan Koggalage, 2021). Perkara ini dibuktikan dengan laporan Global Economic Monitor World Trend Plus pada tahun 2020 yang menunjukkan bahawa Singapura merupakan sebuah negara yang kurang sumber semulajadi tetapi berada pada tangga yang ke-27 daripada 137 buah negara dalam kategori perkembangan keusahawanan secara global. Malah, Singapura juga berada pada tempat yang ke-4 dalam pelaksanaan sistem pendidikan terbaik di peringkat dunia dan tempat pertama di Asia menurut laporan Daya Saing Global pada tahun 2020 (Rahim dan Othman, 2022). Ini jelas menunjukkan sistem pendidikan memainkan peranan penting dalam meningkatkan minat murid terhadap bidang keusahawanan. Malaysia juga diiktiraf memiliki kualiti pendidikan kedua terbaik selepas Singapura pada peringkat Asia (World Economic Forum, 2018). Hal ini membuktikan bahawa Malaysia juga bermatlamat untuk melahirkan murid yang berdaya saing, berpengetahuan tinggi dan produktif melalui pendidikan. Seterusnya, Malaysia mampu melahirkan murid berminda usahawan, yakni seorang yang dapat membuat keputusan, berani

mengambil risiko dan berfikiran kreatif, kritis dan inovatif (Adama et al, 2014; Yasin dan Azmi, 2020).

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperkenalkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang menekankan kepada enam aspirasi murid iaitu berpengetahuan, memiliki kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian serta mempunyai identiti nasional (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Sehubungan dengan itu, KPM telah menerapkan elemen keusahawanan dalam bidang pendidikan dengan memperkenalkan subjek elektif seperti Perniagaan, Ekonomi, Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) dan Prinsip Perakaunan kepada murid (Bahagian Pembangunan Kurikulum,2016). Pendedahan awal elemen keusahawanan di sekolah menengah diharapkan mampu menarik minat murid untuk memilih keusahawanan sebagai kerjaya masa depan. Misalnya, pendidikan di negara China memberikan keutamaan dalam pendidikan keusahawanan dan dapat memupuk niat serta minat keusahawanan murid (Hong,2020). Oleh itu, untuk menjayakan matlamat (PPPM) 2013-2025, maka sokongan pendidikan melalui aktiviti di dalam dan luar bilik darjah diperlukan agar berupaya menarik minat murid dalam bidang keusahawanan (Amran dan Abu Seman,2021).

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menerapkan elemen keusahawanan dalam silibus pengajaran sekolah menengah melalui elemen merentas kurikulum (EMK) (Suhaili dan Nasri,2021). Di samping itu, pihak sekolah juga telah melaksanakan pelbagai program keusahawanan melalui kurikulum dan kokurikulum sebagai sokongan pendidikan bagi meningkatkan minat keusahawanan murid (Amran dan Abu Seman,2021). Namun, tindakan ini masih didapati kurang berjaya apabila bilangan murid yang mengikuti aliran keusahawanan, sebagai contoh mengambil subjek Perniagaan di Sekolah Menengah Kebangsaan Harian atau subjek Pengajian Keusahawaan masih rendah (Omar dan Othman,2021). Paparan Jadual 1 menggambarkan penurunan bilangan calon yang mengambil subjek Perniagaan dari tahun 2018 sehingga 2022. Hal ini menunjukkan bahawa sokongan pendidikan seperti aktiviti di dalam bilik darjah dan aktiviti di luar bilik darjah masih lagi tidak dapat meningkatkan minat keusahawanan dalam kalangan murid sekolah menengah.

**Jadual 1: Bilangan Calon Mengambil Subjek Perniagaan SPM Tahun 2018 Hingga 2022**

Tahun	Calon yang mengambil subjek Perniagaan SPM (orang)
2018	93900
2019	89432
2020	89357
2021	85,067
2022	82,751

Sumber: Lembaga Peperiksaan Malaysia (2018, 2019, 2020, 2021 dan 2022)

Seterusnya, sistem sokongan pendidikan kini mengutamakan penerapan kemahiran abad ke-21 yang bertujuan untuk meningkatkan minat murid untuk menjadi usahawan yang unggul, berdaya tahan dan berdaya saing dengan masyarakat luar (Ghafar,2020). Namun, penguasaan kemahiran abad ke-21 dalam kalangan murid yang mengambil subjek Perniagaan masih belum mencapai standard yang diperlukan (Azaman dan Buang,2019). Hal ini kerana mereka lebih berminat untuk menceburkan diri dalam pekerjaan yang melibatkan makan gaji sahaja

berbanding menjadi usahawan (Haron, Juhdi dan Rahid,2022). Selaras dengan itu, didapati pelajar lepasan SPM tidak mahu sambung belajar tetapi memilih pekerjaan di sektor ekonomi gig dan *e-hailing* yang akan mengurangkan tenaga buruh berkemahiran tinggi (Nooh,2023). Persoalannya, adakah sokongan pendidikan tidak dapat meningkatkan minat keusahawanan dalam kalangan murid sekolah menengah?

Berikutan itu, kajian tentang pengaruh sokongan pendidikan iaitu aktiviti di dalam bilik darjah dan aktiviti di luar bilik darjah terhadap minat murid sekolah menengah sangat penting. Tambahan pula, kebanyakkan kajian berfokuskan kepada pelajar universiti dan kurang kajian menyeluruh terhadap murid sekolah menengah. Oleh itu, pengkaji telah membangunkan tiga objektif kajian seperti berikut: i) mengenal pasti tahap aktiviti di dalam bilik darjah dan aktiviti di luar bilik darjah murid ii) mengenal pasti tahap minat keusahawanan murid dan iii) menguji pengaruh aktiviti di dalam bilik darjah dan aktiviti di luar bilik darjah terhadap minat keusahawanan murid.

## Tinjauan Literatur

### *Sokongan Pendidikan*

Sokongan pendidikan didefinisikan sebagai inisiatif untuk meningkatkan pelaburan dan pembangunan ekonomi negara melalui pendidikan yang berkualiti (Mwoma dan Pilay,2016). Sokongan pendidikan memainkan peranan penting dalam memberikan ilmu keusahawanan dalam bentuk teori dan praktikal kepada murid. Di mana, teori dipelajari melalui kurikulum di dalam kelas manakala murid menjalani praktikal melalui aktiviti seperti menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan di sekolah (Thangavellu, Sahid dan Othman,2022). Justeru, pembelajaran teori di dalam bilik darjah merangkumi 70% manakala pembelajaran praktikal di luar bilik darjah merangkumi 30% (Umar dan Sahid,2021). Tambahan pula, sokongan pendidikan melibatkan aktiviti di dalam bilik darjah yang merangkumi kurikulum, kualiti tenaga pengajar dan kemudahan yang terdapat di dalam bilik darjah (Yunita dan Hajati,2019). Aktiviti yang dijalankan di dalam dan di luar bilik darjah merupakan sokongan pendidikan yang dapat mendedahkan murid untuk mendalami ilmu keusahawanan. Ini dapat membantu murid untuk mengenal pasti peluang perniagaan dan cara memulakan perniagaan pada masa hadapan (Mambu et al.,2019).

### *Aktiviti Di Dalam Bilik Darjah*

Aktiviti di dalam bilik darjah merupakan kurikulum pendidikan dan pedagogi yang merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran, norma, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan dalam mengembangkan jasmani, rohani, mental dan emosi murid (Kementerian Pelajaran Malaysia,2023). Justeru, murid perlu mengambil beberapa mata pelajaran wajib dan elektif di sekolah untuk pembentukan ilmu mereka (Chamisijatin dan Permana, 2020). Sementara itu, pedagogi merupakan seni, sains, teori pengajaran dan praktikal tentang pembelajaran sesuatu ilmu yang melibatkan tindakan belajar dan mengajar di dalam kelas. Oleh itu, guru dan murid berinteraksi bersama-sama untuk mencapai suatu objektif dalam proses pembelajaran dan pengajaran melalui penggunaan pedagogi di dalam kelas (O'Donald et al.,2015).

Sehubungan dengan itu, aktiviti di dalam bilik darjah berdasarkan kurikulum keusahawanan memberikan kesan positif terhadap minat keusahawanan murid. Hal ini membuktikan bahawa murid yang didedahkan dengan kurikulum keusahawanan meningkatkan niat keusahawanan untuk menceburi bidang perniagaan berbanding murid yang tidak didedahkan langsung (Abdul Rahim et al.,2020). Seterusnya, murid mempunyai minat keusahawanan kerana aktiviti di

dalam bilik darjah menekankan aspek kreativiti dan inovasi (Ganesh dan Buang,2022). Selaras dengan itu, kaedah penggunaan komik dalam subjek Perniagaan di dalam kelas dapat meningkatkan penguasaan fakta dengan baik oleh murid (Krishnan, A Rahman dan Othman,2022). Namun, bahan pengajaran yang kreatif dan inovatif yang terhad menyebabkan murid tidak berminat untuk mengikuti pembelajaran di dalam bilik darjah (Alias et al.,2021). Rentetan itu, didapati guru juga kurang menyediakan bahan pengajaran yang bersesuaian dan mudah untuk difahami oleh murid. Justeru, murid tidak berminat dalam mempelajari ilmu keusahawanan (Yangjie et al.,2021).

### ***Aktiviti Di Luar Bilik Darjah***

Aktiviti di luar bilik darjah ialah aktiviti pendidikan yang dijalankan di luar kelas seperti kelab, sukan dan permainan. Menurut Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) (2023), aktiviti di luar bilik darjah merupakan aktiviti yang dirancang selain daripada proses pembelajaran dan pengajaran. Selain itu, aktiviti ini juga merupakan sebahagian daripada kursus pendidikan bagi murid di sekolah. Tambahan pula, aktiviti ini membantu murid untuk menambahkan, mengukuhkan dan mengamalkan nilai dan kemahiran di luar kelas (Ahmad Damanhuri,2014).

Sehubungan dengan itu, terdapat peningkatan kebolehan murid dalam mengurus perniagaan melalui Program Tunas Niaga. Hal ini membuktikan ilmu keusahawanan perlu dipelajari secara teori dan juga perlu diaplikasikan secara teknikal supaya murid dapat mendalami ilmu keusahawanan (Ishak et al.,2018). Selaras dengan itu, kelab keusahawanan di sekolah menengah membantu penerapan asas ilmu keusahawanan yang membantu murid menghadapi rintangan dalam perniagaan (Nawang dan Mamat,2020). Seterusnya, aktiviti di luar bilik darjah mempengaruhi minda keusahawanan dan memberikan semangat yang positif kepada murid (Jun, Junhua dan Robin,2019). Namun, aktiviti di luar bilik darjah juga tidak menggalakkan minat murid untuk menjadikan usahawan sebagai kerjaya. Hal ini kerana mereka lebih berminat untuk bekerja makan gaji sahaja (Haron, Juhdi dan Rahid,2022).

### ***Minat Keusahawanan***

Minat merupakan sesuatu perkara yang abstrak kerana tidak boleh dilihat dengan mata kasar ataupun dirasai (Hashim dan Mohammad,2013). Oleh itu, minat hanya boleh diketahui dengan tingkah laku, emosi dan perasaan seseorang dalam melakukan sesuatu perkara (Yatim dan Idris,2016). Sehubungan dengan itu, murid yang kurang berminat terhadap keusahawanan tidak akan bersungguh-sungguh dalam mencapai kejayaan dalam kerjaya tersebut (Othman dan Misman,2015). Minat murid dalam memilih keusahawanan sebagai kerjaya dilihat sebagai memaksimumkan kepuasan seseorang individu. Pilihan kerjaya untuk menjadi usahawan disebabkan oleh pendapatan yang lumayan dan juga kawalan untuk membuat keputusan sendiri dan usaha kerja (Evan & Dean, 1999). Rentetan itu, minat murid dalam memilih keusahawanan sebagai kerjaya mereka tidak boleh dipaksa dan mereka sendiri perlu memilih kerjaya tersebut. Keinginan dan dorongan untuk menjadi usahawan perlu wujud dari dalam diri mereka.

Murid yang mempunyai minat lebih cenderung untuk menjadi usahawan pada masa depan (Akhsan dan Othman,2019). Pelajar Diploma Vokasional Malaysia juga mempunyai minat yang tinggi dalam bidang keusahawanan (Mohammad dan Othman,2018). Hal ini membuktikan pendidikan keusahawanan banyak mempengaruhi minat pelajar dalam memilih keusahawanan sebagai kerjaya kerana ia banyak membantu pelajar dalam berfikir secara kreatif, berkomunikasi dengan lebih baik, menyelesaikan masalah secara kritikal dan membentuk budaya keusahawanan (Tie et al.,2019). Namun, terdapat murid yang tidak berminat dengan pembelajaran subjek keusahawanan walaupun mereka bersetuju

keusahawanan merupakan kerjaya yang baik (Suhaili dan Nasri,2021). Seterusnya, murid mempunyai tahap pengetahuan asas keusahawanan tinggi tetapi keinginan untuk memilih keusahawanan sebagai kerjaya berada pada tahap sederhana tinggi (Faizu dan Othman,2020). Didapati minat pelajar bidang keusahawanan berada pada tahap sederhana walaupun mereka tahu bidang keusahawanan mampu menjana pendapatan yang lumayan (Yasin dan Azmi,2020).

## Metod Kajian

### ***Reka Bentuk Kajian***

Kajian ini adalah kajian deskriptif kuantitatif yang berbentuk tinjauan dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Kaedah kuantitatif telah digunakan dalam kajian ini untuk tujuan mengkaji tahap dan pengaruh antara pemboleh ubah kajian. Proses menjalankan kajian melibatkan dua fasa iaitu kajian rintis dan kajian sebenar. Kajian rintis dijalankan untuk mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian, manakala kajian sebenar dijalankan untuk menguji semua objektif kajian. Untuk mendapatkan statistik analisis deskriptif dan analisis inferensi, analisis data telah dijalankan menggunakan perisian IBM SPSS versi 25.0.

### ***Populasi dan Persampelan***

Skop kajian adalah menjurus ke arah mata pelajaran perniagaan, bermakna ia hanya melibatkan pelajar menengah atas. Pemilihan daerah Kinta Utara dari negeri Perak sebagai lokasi kajian adalah kerana daerah ini mempunyai murid paling ramai mengambil subjek Perniagaan iaitu sebanyak 4394 orang termasuk murid Tingkatan 4 dan juga 5 (Jabatan Pendidikan Negeri Perak,2023). Untuk kajian ini, kumpulan sasaran memfokuskan kepada pelajar Tingkatan 4 yang mengambil subjek Perniagaan. Justeru, jumlah populasi adalah seramai 2277 orang (Pejabat Pendidikan Daerah Kinta Utara, 2023). Berdasarkan jumlah populasi tersebut, hanya seramai 331 orang sahaja dilibatkan dalam kajian. Penentuan saiz sampel ini diperoleh dengan menggunakan Jadual Krejcie dan Morgan (1970) sebagai panduan. Sampel juga dipilih secara rawak mudah.

### ***Instrumen Kajian***

Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah borang soal selidik. Terdapat empat bahagian dalam borang soal selidik iaitu bahagian A, B, C dan D. Bahagian A mengandungi 6 item berkaitan demografi responden. Bahagian B pula mengandungi 7 item berkaitan aktiviti di dalam bilik darjah dan bahagian C mengandungi 7 item berkaitan aktiviti di luar bilik darjah. Bahagian D mengandungi 10 item berkaitan minat keusahawanan. Item pada bahagian B dan C telah diadaptasi dan diubahsuai daripada kajian Azizi, Maalip dan Yahaya (2011) dan Villalobos et al.(2016). Bahagian D pula diadaptasi dan diubahsuai daripada kajian Lynch et al.(2017).

### ***Kaedah Pengumpulan Data***

Kajian ini menggunakan pendekatan tinjauan melalui soal selidik yang dibina sendiri untuk mengumpul data. Data untuk kajian diperolehi melalui pengubabsuaian soal selidik daripada beberapa kajian lepas. Oleh itu, setiap bahagian soal selidik telah diproses dan diubahsuai mengikut kehendak kajian berdasarkan kesahan pakar dan ujian kebolehpercayaan. Kajian rintis telah dijalankan ( $n = 30$ ) untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian Di mana, soal selidik ini telah disemak oleh tiga orang pakar bagi kesahan muka,


kandungan dan bahasa. Manakala, Cronbach's Alpha pula digunakan untuk menganalisis kebolehpercayaan.

Berdasarkan Jadual 2, instrumen soal selidik kajian ini memenuhi syarat untuk diguna pakai. Ini kerana nilai Cronbach's Alpha melebihi 0.70 dan nilai kesahan konstruk pula adalah melebihi 0.3.


**Jadual 2: Analisis Cronbach's Alpha**

Pembelah ubah	Nilai Kesahan	Nilai Cronbach's Alpha
Aktiviti di dalam bilik darjah	0.323 - 0.754	0.859
Aktiviti di luar bilik darjah	0.318 - 0.647	0.902
Minat keusahawanan	0.371 - 0.856	0.921

Di samping itu, ujian regresi berganda digunakan dalam kajian ini untuk menguji sumbangan faktor sokongan pendidikan terhadap minat keusahawanan. Oleh itu, terdapat empat andaian yang telah dipenuhi agar dapatkan kajian regresi linear berganda menjadi lebih bermakna. Andaian pertama ialah bilangan saiz sampel yang diperlukan ialah ( $n=50+8(2) = 66$ ). Namun, terdapat 331 sampel yang digunakan dalam kajian ini. Andaian kedua juga dipenuhi iaitu tiada *multikolinearity* dan tiada *singularity*. Di mana, nilai kolerasi antara pembelah ubah bebas di antara 0.3 hingga 0.9. Seterusnya, andaian ketiga ditunjukkan oleh Rajah 1 iaitu tidak wujud *outlier*. Ini kerana di dalam *scatterplot* yang diperoleh, tidak terdapat data yang melebihi  $\pm 3.3$ . Andaian yang terakhir yang telah dipenuhi adalah berkenaan *normality* dan *linearity*. Rajah 2 menunjukkan data bertaburan normal dan linear kerana plot berada dan bertabur di sekitar garis lurus 45 darjah.



**Rajah 1: Scatterplot**



**Rajah 2: Normal P.P Plot**

## Dapatan Kajian

### *Demografi Kajian*

Daripada 331 orang responden, sebanyak 130 orang merupakan murid lelaki (39.3%) dan 201 murid perempuan (60.7%). Dari segi bangsa, majoriti bilangan responden merupakan murid Cina iaitu 166 orang (50.2%), Melayu sebanyak 115 orang (34.7%), murid India sebanyak 47 orang (14.2%) dan lain-lain agama sebanyak 3 orang (0.9%). Majoriti responden beragama Buddha iaitu sebanyak 161 orang (48.6%), Islam sebanyak 125 orang (37.8%), Hindu sebanyak 42 orang (12.7%) dan lain-lain agama pula sebanyak 3 orang sahaja (0.9%). Dari segi latar belakang keluarga, seramai 214 orang (64.7%) tidak terlibat dalam sebarang perniagaan dan 117 orang murid (35.3%) terlibat dalam perniagaan. Dari segi kawasan tempat tinggal, sebanyak 72 orang (21.8%) tinggal di luar Bandar dan 259 orang (78.2%) tinggal di bandar. Akhirnya, didapati kesemua responden iaitu 331 (100%) orang mengambil subjek Perniagaan.

### *Analisis Deskriptif*

#### *Objektif Kajian 1: Mengenal Pasti Tahap Aktiviti di dalam Bilik Darjah dan Aktiviti di luar Bilik Darjah Murid.*

Jadual 3 menunjukkan min dan sisihan piawai bagi tahap sokongan pendidikan. Hasil analisis deskriptif mendapati tahap sokongan pendidikan adalah tinggi dengan nilai skor min = 4.30 ( $s.p = 0.662$ ). Skor min bagi konstruk aktiviti di luar bilik darjah (min = 4.32,  $s.p = 0.657$ ) dan skor min bagi konstruk aktiviti di dalam bilik darjah (min = 4.28,  $s.p = 0.667$ ). Kedua-dua pemboleh ubah bebas berada pada tahap yang tinggi. Ini menunjukkan aktiviti di luar bilik darjah dan aktiviti di luar bilik darjah merupakan sokongan pendidikan yang baik.

**Jadual 3: Skor Min Bagi Tahap Sokongan Pendidikan**

Item	Pemboleh ubah	Min	Sisihan Piawai	Tahap
B1-B7	Aktiviti di dalam bilik darjah	4.28	0.667	Tinggi
B8-B14	Aktiviti di luar bilik darjah	4.32	0.657	Tinggi
Keseluruhan		4.30	0.662	Tinggi

Jadual 4 memaparkan min, sisihan piawai, kekerapan dan peratusan bagi konstruk aktiviti di dalam bilik darjah. Mengikut persepsi responden, konstruk ini berada pada tahap tinggi (min 4.28, s.p 0.667). Item B3 (Saya suka aktiviti – aktiviti yang melibatkan konsep jual-beli di dalam bilik darjah) menunjukkan frekuensi tertinggi yang bersetuju dengan peratusan 68.6% (227 orang). Item B6 (Saya tahu proses penubuhan syarikat perniagaan kelak melalui topik Organisasi Perniagaan) menunjukkan frekuensi kedua tertinggi yang bersetuju iaitu 63.1% (209 orang). Manakala, item B1 (Saya tahu cara menguruskan perniagaan melalui subjek Perniagaan) pula menunjukkan frekuensi paling rendah yang bersetuju dengan peratusan 49.9% (165 orang). Ini menunjukkan murid suka aktiviti-aktiviti seperti simulasi dan main peranan berkaitan perniagaan dijalankan di dalam kelas. Mereka juga telah mempelajari proses menubuhkan syarikat perniagaan tetapi belum lagi mahir sepenuhnya dalam cara menguruskan perniagaan.

**Jadual 4: Aktiviti di Dalam Bilik Darjah**

Item	Pernyataan	STS	TS	KS	S	SS
		Bil	Bil	Bil	Bil	Bil
		%	%	%	%	%
B1	Saya tahu cara menguruskan perniagaan melalui subjek Perniagaan.	9 2.7	24 7.3	133 40.2	124 37.5	41 12.4
B2	Saya mempelajari cara menyediakan simpan kira melalui subjek Perniagaan.	9 2.7	25 7.6	108 32.6	137 41.4	52 15.7
B3	Saya suka aktiviti – aktiviti yang melibatkan konsep jual-beli di dalam bilik darjah.	6 1.8	18 5.4	80 24.2	150 45.3	77 23.3
B4	Saya tahu cara menguruskan stok melalui subjek Perniagaan.	7 2.1	38 11.5	107 32.3	141 42.6	38 11.5
B5	Saya tahu sistem urusniaga dalam bank melalui topik Sistem Perbankan.	4 1.2	22 6.6	128 38.7	128 38.7	49 14.8
B6	Saya tahu proses penubuhan syarikat perniagaan kelak melalui topik Organisasi Perniagaan.	5 1.5	26 7.9	91 27.5	152 45.9	57 17.2
B7	Saya tahu cara menguruskan kewangan dalam sesuatu perniagaan.	8 2.4	20 6.0	109 32.9	137 41.4	57 17.2

**Min** : 4.28

**Sisihan Piawai** : 0.667

**Tahap** : Tinggi

Jadual 5 menunjukkan min, sisihan piawai, kekerapan dan peratusan bagi konstruk aktiviti di luar bilik darjah. Konstruk ini berada pada tahap tinggi dengan skor min yang paling tinggi iaitu min 3.93 dan sisihan piawai 0.654. Item B9 (Saya berasa semangat dan mempunyai perwatakan yang baik dalam melakukan aktiviti perniagaan) menunjukkan frekuensi tertinggi yang bersetuju dengan peratusan 76.5% (253 orang). Item B14 (Saya belajar tentang pengurusan masa dan mengutamakan perkara penting dalam perniagaan) menunjukkan frekuensi kedua tertinggi yang bersetuju iaitu 76.1% (252 orang). Manakala, item B10 (Aktiviti kokurikulum membantu dalam menghapuskan ketakutan dan kebimbangan saya untuk membuat urusan perniagaan.) pula menunjukkan frekuensi paling rendah dengan peratusan peresetujuan sebanyak 67.1% (222 orang). Ini menunjukkan aktiviti di luar bilik darjah dapat meningkatkan semangat, membentuk perwatakan baik, mengajar pengurusan masa yang baik dan menumpukan kepada perkara penting dalam perniagaan. Namun, aktiviti ini masih tidak dapat meningkatkan keyakinan murid untuk menjalankan urus niaga tanpa rasa takut dan bimbang.

**Jadual 5: Aktiviti di Luar Bilik Darjah**

<b>Item</b>	<b>Pernyataan</b>	<b>STS</b>	<b>TS</b>	<b>KS</b>	<b>S</b>	<b>SS</b>
		<b>Bil</b>	<b>Bil</b>	<b>Bil</b>	<b>Bil</b>	<b>Bil</b>
B8	Saya didedahkan dengan dunia perniagaan melalui kokurikulum.	2 0.6	8 2.4	71 21.5	157 47.4	93 28.1
B9	Saya berasa semangat dan mempunyai perwatakan yang baik dalam melakukan aktiviti perniagaan.	0 0.0	8 2.4	70 21.1	167 50.5	86 26.0
B10	Saya berjaya menghapuskan ketakutan dan kebimbangan saya untuk membuat urusan perniagaan.	3 0.9	24 7.3	82 24.8	140 42.3	82 24.8
B11	Saya belajar menyesuaikan tindakan dalam situasi sosial dan membina hubungan yang kukuh terhadap orang lain.	1 0.3	15 4.5	82 24.8	147 44.4	86 26.0
B12	Saya berasa peningkatan harga diri semasa terlibat dalam aktiviti perniagaan di luar bilik darjah.	2 0.6	9 2.7	97 29.3	136 41.1	87 26.3
B13	Saya boleh menerima kritikan dengan baik dan menunjukkan usaha untuk mengatasi kekurangan.	1 0.3	19 5.7	73 22.1	167 50.5	71 21.5
B14	Saya belajar tentang pengurusan masa dan mengutamakan perkara penting dalam perniagaan.	1 0.3	11 3.3	67 20.2	162 48.9	90 27.2


---

<b>Min</b>	<b>: 3.93</b>
<b>Sisihan Piawai</b>	<b>: 0.654</b>
<b>Tahap</b>	<b>: Tinggi</b>

---

**Objektif Kajian 2: Mengenal Pasti Tahap Minat Keusahawanan Murid.**

Jadual 6 menunjukkan min, sisihan piawai, kekerapan dan peratusan bagi minat keusahawanan murid. Dilaporkan minat keusahawanan murid berada pada tahap sederhana tinggi dengan nilai min = 3.57 (s.p = 0.775). Item C10 (Saya berusaha untuk membuat lebih banyak wang melalui perniagaan) menunjukkan frekuensi tertinggi yang bersetuju dengan peratusan 85.8% (284 orang). Item C4 (Saya akan berusaha sedaya upaya untuk memulakan dan menjalankan perniagaan saya sendiri) menunjukkan frekuensi kedua tertinggi yang bersetuju iaitu 66.8% (221 orang). Manakala, item C8 (Saya akan memulakan perniagaan saya dalam 5 tahun akan datang) pula menunjukkan frekuensi paling rendah yang bersetuju dengan peratusan 35.0% (116 orang). Ini menunjukkan minat murid terhadap bidang keusahawanan disebabkan oleh penjanaan pendapatan yang tinggi dan mereka akan berusaha untuk melibatkan diri dalam perniagaan. Namun, mereka masih belum yakin untuk membuka perniagaan dalam jangka masa pendek.

**Jadual 6: Minat Keusahawanan Murid**

Item	Pernyataan	STS	TS	KS	S	SS
		Bil	Bil	Bil	Bil	Bil
		%	%	%	%	%
C1	Saya akan memilih kerjaya sebagai usahawan.	7 2.1	33 10.0	119 36.0	111 33.5	61 18.4
C2	Saya lebih suka menjadi usahawan daripada menjadi pekerja di syarikat.	4 1.2	43 13.0	120 36.3	78 23.6	86 26.0
C3	Saya bersedia melakukan apa sahaja untuk menjadi seorang usahawan.	6 1.8	40 12.1	132 39.9	100 30.2	53 16.0
C4	Saya akan berusaha sedaya upaya untuk memulakan dan menjalankan perniagaan saya sendiri.	8 2.4	11 3.3	91 27.5	125 37.8	96 29.0
C5	Saya telah berfikir secara serius untuk memulakan perniagaan sendiri selepas tamat belajar.	12 3.6	48 14.5	125 37.8	76 23.0	70 21.1
C6	Saya mempunyai niat yang kuat untuk memulakan perniagaan suatu hari nanti.	7 2.1	41 12.4	116 35.0	100 30.2	67 20.2
C7	Saya berazam untuk mewujudkan firma pada masa hadapan.	10 3.0	41 12.4	124 37.5	97 29.3	59 17.8
C8	Saya akan memulakan perniagaan saya dalam 5 tahun akan datang.	23 6.9	67 20.2	124 37.5	68 20.5	48 14.5
C9	Saya akan memulakan perniagaan saya dalam 10 tahun akan datang.	21 6.3	51 15.4	116 35.0	93 28.1	50 15.1

C10	Saya berusaha untuk membuat lebih banyak wang melalui perniagaan.	2 0.6	4 1.2	41 12.4	125 37.8	159 48.0
-----	---	----------	----------	------------	-------------	-------------

**Skor Min** : 3.57  
**Sisihan Piawai** : 0.775  
**Tahap** : Sederhana Tinggi

### Analisis Inferensi

#### **Objektif Kajian 3: Menguji Pengaruh Aktiviti Di Dalam Bilik Darjah Dan Aktiviti Di Luar Bilik Darjah Terhadap Minat Keusahawanan Murid.**

Jadual 7 menunjukkan menunjukkan kolerasi yang sederhana dan positif antara sokongan pendidikan dengan minat keusahawanan dengan nilai korelasi coefficient (R) adalah 0.644. Seterusnya, nilai R-Kuasa dua iaitu 0.415 membawa maksud sebanyak 41.5% daripada varians dalam minat keusahawanan dipengaruhi oleh aktiviti di dalam bilik darjah dan di luar bilik darjah.

**Jadual 7: Kolerasi Sokongan Pendidikan terhadap Minat Murid dalam Keusahawanan**

Model	R	R <sup>2</sup>	Adjusted R <sup>2</sup>
1	0.644 <sup>a</sup>	0.415	0.411

a. Pemboleh ubah bersandar: Minat Keusahawanan

Berdasarkan Jadual 8, sokongan pendidikan iaitu aktiviti di dalam bilik darjah dan aktiviti di luar bilik darjah sebagai pemboleh ubah bebas manakala minat keusahawanan sebagai pemboleh ubah bersandar adalah signifikan pada aras  $P<0.05(p=0.000)$ . Ini bermakna sokongan pendidikan mempengaruhi minat keusahawanan murid sekolah menengah.

**Jadual 8: ANOVAa**

Model	Sum of Square	df	Mean Square	F	Sig.
Regresi	82.131	4	41.066	116.105	0.000 <sup>b</sup>
Residual	116.011	328	0.354		
Jumlah	198.143	330			

a. Pemboleh ubah bersandar: Mean Minat Keusahawanan

b. Peramal (Constant): Aktiviti di dalam bilik darjah, aktiviti di luar bilik darjah

Jadual 9 menunjukkan sokongan pendidikan mempunyai hubungan positif dengan minat keusahawanan. Aktiviti di dalam bilik darjah ( $\beta = 0.526$ ) merupakan konstruk yang paling dominan mempengaruhi minat keusahawanan. Ini menunjukkan peningkatan 1 unit aktiviti di dalam bilik darjah akan menyumbang peningkatan sebanyak 0.526 unit terhadap minat keusahawanan. Manakala, aktiviti di luar bilik darjah ( $\beta = 0.238$ ) paling sedikit memberi kesan terhadap minat keusahawanan. Ini menunjukkan peningkatan 1 unit aktiviti di luar bilik darjah menyumbang sebanyak 0.238 terhadap minat keusahawanan. Berikut merupakan persamaan regresi berganda untuk ujian ini:-

$$\text{Minat keusahawanan} = 0.555 + 0.526 \text{ (aktiviti di dalam bilik darjah)} + 0.282 \text{ (aktiviti di luar bilik darjah)}$$

Ini menunjukkan sokongan pendidikan dapat mempengaruhi minat murid untuk terlibat dalam bidang keusahawanan. Tambahan pula, aktiviti di dalam bilik darjah termasuk kurikulum dan pedagogi mampu meningkatkan minat keusahawanan murid dengan lebih berkesan jika dibandingkan dengan aktiviti di luar bilik darjah seperti aktiviti kokurikulum.

**Jadual 9: Coefficients**

Pemboleh ubah	Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients Beta	t	Sig.
	B	Std. Error			
Minat keusahawanan	0.555	0.207		2.685	0.008
(Constant)					
Aktiviti di dalam bilik darjah	0.526	0.070	0.452	7.549	0.000
Aktiviti di luar bilik darjah	0.282	0.071	0.238	3.976	0.000

### Perbincangan

Berdasarkan dapatan kajian, jelaslah bahawa tahap sokongan pendidikan yang mengandungi konstruk aktiviti di dalam bilik darjah dan aktiviti di luar bilik darjah berada pada tahap tinggi. Hasil kajian ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Amran dan Abu Seman (2021) yang mendapati sokongan pendidikan iaitu kurikulum, kokurikulum dan pedagogi memainkan peranan penting dalam memupuk minat keusahawanan murid. Sokongan pendidikan terutamanya pedagogi yang melibatkan kandungan elemen keusahawanan yang menyeronokkan penting dalam menarik minat murid.

Dapatan kajian ini juga mendapati konstruk aktiviti di dalam bilik darjah berada pada tahap yang tinggi. Dapatan kajian ini selari dengan kajian Yasin dan Azmi (2020), jika guru menggunakan kaedah pengajaran yang baik di dalam bilik darjah, maka semakin seronok murid menimba ilmu keusahawanan. Kajian yang dijalankan oleh Otache (2019) mendapati kurikulum pendidikan keusahawanan di dalam bilik darjah berada pada tahap yang tinggi dan mampu meningkatkan minat keusahawanan murid. Selain gabungan elemen teori dan praktikal berkaitan keusahawanan, interaksi pembelajaran yang baik antara guru dan murid di dalam bilik darjah mampu meningkatkan pemahaman ilmu keusahawanan. Namun, kajian Azaman dan Buang (2019) menunjukkan bahawa murid masih lagi belum menguasai sepenuhnya pembelajaran abad ke-21 yang memerlukan mereka untuk berfikir pada aras yang tinggi. Hal ini menyebabkan mereka suka belajar kandungan subjek Perniagaan tetapi tidak dapat mengaplikasikan dalam situasi sebenar perniagaan.

Seterusnya, konstruk aktiviti di luar bilik darjah juga berada pada tahap yang tinggi dan mempunyai skor tertinggi. Dapatan kajian ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Nawang dan Mamat (2019) yang mendapati minat keusahawanan dapat dipupuk melalui kelab keusahawanan kerana murid didedahkan kepada situasi yang sebenar perniagaan yang menyeronokkan. Seterusnya, kajian yang telah dijalankan oleh Ismail, Osman dan Mokhtar (2020) mendapati aktiviti di luar bilik darjah yang dilaksanakan seperti berkebun, menternak haiwan, menjahit dan memasak dapat memberikan pendedahan awal kepada dunia keusahawanan dan perniagaan di sekolah. Namun, dapatan kajian ini berbeza dengan kajian

yang dijalankan oleh Haron, Juhdi dan Rahid (2022) yang mendapati aktiviti kokurikulum tidak menggalakkan minat murid dalam bidang keusahawanan. Hal ini kerana mereka lebih berminat untuk bekerja dan makan gaji sahaja.

Manakala, tahap minat keusahawanan murid sekolah menengah berada pada tahap sederhana tinggi. Dapatkan kajian ini selari dengan kajian Yasin dan Azmi (2020) yang mendapati bahawa minat keusahawanan murid pada tahap sederhana tinggi. Ini kerana murid masih ragu-ragu untuk memilih bidang keusahawanan walaupun mengetahui mereka boleh menjana pendapatan yang lumayan. Hasil kajian ini juga selari dengan kajian Ishak et al. (2018) menunjukkan bahawa minat murid meningkat apabila didedahkan kepada ilmu keusahawanan di dalam kelas. Tambahan pula, dapatkan kajian yang dijalankan oleh Mack et al. (2019) hampir sama kerana minat keusahawanan pelajar sekolah teknik dan vokasional berada pada tahap yang tinggi. Tetapi mereka masih tidak mempunyai keyakinan untuk menjadi usahawan kerana kurang pendedahan terhadap pendidikan keusahawanan. Lagipun kajian yang telah dijalankan oleh Faizu dan Othman (2020) juga mendapati murid yang mempunyai pendedahan awal melalui aktiviti praktikal mempunyai minat yang tinggi terhadap kerjaya keusahawanan. Namun, dapatkan kajian ini tidak selari dengan kajian yang dijalankan oleh Suhaili dan Nasri (2021) di Kuching mendapati minat murid pada tahap rendah terhadap pembelajaran subjek keusahawanan. Ini kerana mereka menganggap elemen dalam subjek keusahawanan sukar untuk dipelajari.

Dapatkan analisis regresi berganda secara keseluruhannya menunjukkan terdapat pengaruh aktiviti di dalam bilik darjah dan aktiviti di luar bilik darjah yang positif terhadap minat keusahawanan dalam kalangan murid sekolah menengah. Di mana, konstruk aktiviti di dalam bilik darjah paling dominan dalam mempengaruhi minat keusahawanan berbanding aktiviti di luar bilik darjah. Hasil kajian ini selari dengan kajian yang telah dijalankan oleh Arfah, Mapparenta dan Serang, (2023) juga mendapati wujud pengaruh yang positif antara sokongan pendidikan dengan minat keusahawanan. Di mana, pendidikan keusahawanan yang dijalankan di dalam bilik darjah lebih berkesan dalam menarik minat murid dalam keusahawanan. Helena dan Supriyadi (2019) juga mendapati pengajaran guru di dalam bilik darjah memainkan peranan penting dalam memberikan inspirasi kepada murid untuk memilih bidang keusahawanan. Seterusnya, kajian yang dijalankan oleh Atik dan Ratna (2021) mendapati kurikulum subjek keusahawanan mempunyai pengaruh positif terhadap minat keusahawanan murid untuk membina perniagaan pada masa depan. Di samping itu, kajian yang dijalankan oleh Anuar dan Sahid (2023) yang mendapati sokongan pendidikan memberikan kesan yang signifikan dan positif terhadap minat keusahawanan melalui set minda keusahawanan. Namun, kajian ini mendapati pendidikan keusahawanan melalui kurikulum tambahan membantu murid untuk memperoleh ilmu dan kebolehan untuk penciptaan perniagaan masa depan.

## Kesimpulan

Secara kesimpulannya, minat keusahawanan murid sekolah menengah banyak dipengaruhi oleh sokongan pendidikan iaitu aktiviti di dalam bilik darjah dan aktiviti di luar bilik darjah. Panduan asas ini boleh membantu pihak sekolah untuk merancang lebih banyak aktiviti keusahawanan sama ada di dalam atau di luar bilik darjah. Misalnya, koperasi sekolah dan kelab keusahawanan perlu ditambah baik supaya lebih ramai murid dapat menyertai aktiviti luar bilik darjah. Selain itu, pihak sekolah perlu mendapatkan kerjasama daripada pihak luar seperti badan industri dan usahawan tempatan supaya murid dapat melibatkan diri dalam program praktikal keusahawanan. Hal ini supaya murid bukan sahaja mempelajari teori keusahawanan tetapi dapat mengaplikasikannya secara praktikal.

Guru juga perlu memberikan perhatian kepada pembentukan minat keusahawanan dalam kalangan murid. Guru perlu mengadakan pelbagai aktiviti pengajaran dan pembelajaran subjek berkaitan elemen keusahawanan yang menarik selaras dengan pembelajaran abad ke-21. Tambahan pula, murid juga perlu sedar kepentingan mempelajari ilmu keusahawanan sejak sekolah menengah lagi supaya mengenali ciri-ciri usahawan yang berjaya dan cabaran yang dihadapi untuk menjadi usahawan yang berjaya pada masa depan. Semua pihak perlu berganding bahu untuk menjayakan matlamat negara untuk menjadi sebuah negara keusahawanan menjelang tahun 2030.

### Penghargaan

Pengkaji ingin mengucapkan penghargaan kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan pihak sekolah yang telah memberikan kebenaran kepada pengkaji untuk menjalankan kajian ini. Pengkaji juga ingin mengucapkan penghargaan kepada Dr Sheerad Sahid yang banyak membantu dalam kajian ini. Pengkaji turut ingin mengucapkan penghargaan kepada Global Academic Excellence (M) Sdn Bhd, yang telah memberikan peluang kepada pengkaji untuk penerbitan kajian ini.

### Rujukan

- Abdul Rahim, I. H., Pawan, M. T., Sung, T. P., & Abdullah, A. S. (2020). Persepsi Pelajar Terhadap Pendidikan Keusahawanan: Kajian Terhadap Pelajar Program Keusahawanan. *4th International Conference on Social Sciences, Humanities and Technology* (4), 119-125.
- Adama, A. B., Abd Razakb, S. B., Idrisa, U. P. S., Idrisb, U. P. S., & Arau, K. K. (2014). Kecenderungan Usahawan Perusahaan Kecil Dan Sederhana Di Bawah Amanah Ikhtiar Malaysia (Aim) terhadap E-Dagang. *Journal of Entrepreneurship and Business (JEB)*, 10(1), 115-129.
- Ahmad Damanhuri, N. H. (2014). Persepsi Pelajar Terhadap Penglibatan Aktiviti Kokurikulum Di Kolej Komuniti Hulu Langat. *Kolokium Penyelidikan & Inovasi Wilayah Selangor*, (1), 1-8.
- Akhsan, E. M. & Othman, N. (2019). Hubungan Antara Kemahiran Keusahawanan dengan Tekad Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA). *International Journal Of Education, Psychology And Counseling*, 4(31), 305-317.
- Alias, N. (2021). Entrepreneurship skills in the curriculum of a selected vocational college in Selangor. *Turkish Journal of Computer and Mathematics Education (TURCOMAT)*, 12(5), 1911- 1922.
- Amran, N., & Abu Seman, N. A. (2021). Hubungan antara Faktor Sokongan Pendidikan dan Minat Pelajar dalam Bidang Keusahawanan. *Research in Management of Technology and Business*, 2(1), 1499–1508.
- Anuar, A. S., & Sahid, S. (2023). Kesan Pendidikan Keusahawanan ke atas Set Minda Keusahawanan: Pengaruh Pengantara Faktor Kognitif. *Akademika (Isu Khas)*, (92), 195-207.
- Arfah, A., Mapparenta, M., & Serang, S. (2023). The Influence of Entrepreneurship Education and Family Environment on Students' Interest in Entrepreneurship. *AL-ISHLAH: Jurnal Pendidikan*, 15(1), 157-170.
- Azaman, J. N. & Buang, N. A. (2019). Tahap Kemahiran Abad Ke 21 Pelajar Dalam Matapelajaran Perniagaan Berdasarkan Lokasi Sekolah Dan Jantina. *In International Conference On Global Education*, (1), 851-858.

- Azizi, N. E., Maalip, H., & Yahaya, N. (2011). Perbandingan faktor yang mempengaruhi proses pengajaran dan pembelajaran antara sekolah di bandar dan luar bandar. *Journal of Educational Management*, (1), 31-47.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2016). Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Perniagaan Tingkatan 4 KSSM. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Chamisijatin, L. & Permana, F. H. (2020) Telaah Kurikulum (Vol. 1). *UMM Press*.
- De Silva, L. & Koggalage, R. (2021). Current trends in entrepreneurship and technology education considering Sri Lankan and global perspectives. *International Research Journal of Modernization in Engineering Technology and Sciences*, 3(2), 401-410.
- Evan J., Douglas & Dean A. S. (1999). Entrepreneurship as a utility maximizing response. *Journal of business venturing*, 15(3), 231-251.
- Faizu, F. C., & Othman, N. (2020). Tahap Pengetahuan Asas Keusahawanan terhadap Keinginan Memilih Kerjaya Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar Kelas Aliran Agama. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(2), 240-254.
- Ganesh, U. P. & Buang, N. A. (2022). Hubungan Minat dan Pengetahuan Keusahawanan dengan Kemahiran Menjana Idea Perniagaan Pelajar Tahun Akhir IPT Bidang Seni. *Business Studies and Education (ICBE)*, (1), 72-80.
- Ghafar, A. (2020). Convergence between 21st century skills and entrepreneurship education in higher education institutes. *International Journal of Higher Education*, 9(1), 218-229
- Haron, A. A., Juhdi, N. H., & Rahid, M. R. (2022). Program Keusahawanan dan Prospek Kerjaya Pilihan Mahasiswa: Kajian di UKM. *Journal of Entrepreneurship and Business (JEB)*, 10(1), 115-129.
- Hashim, S & Mohammad, S.H (2013). Faktor Penghalang Penerapan Ciri Keusahawanan dalam Pengajaran dan Pembelajaran di Sekolah Mengikut Perspektif Guru *Unpublished master's thesis*. Skudai: Universiti Teknologi.
- Helena, Y., & Supriyadi, S. (2019). Analisis Minat Berwirausaha di Kalangan Siswa di SMA Pasundan Majalaya. *Prosiding FRIMA (Festival Riset Ilmiah Manajemen Dan Akuntansi)*, 2(2), 804–814.
- Hong, Y. S., Wenbin, N., Pei, L.T. & Carol, L. (2020). The systematic impact of personal characteristics on entrepreneurial intentions of engineering students. *Frontiers in Psychology*, (11), 1072.
- Ishak, S., Che Omar, A. R., Al Bakri, F. M., & Osman, L. O. (2018) Amalan pembelajaran dan kesannya terhadap pembentukan pengetahuan serta kemahiran perniagaan dalam kalangan Generasi Z. *Geografia : Malaysian Journal of Society and Space*, 14 (1), 15-28.
- Ismail, A. M., Osman, Z., & Mokhtar, A. E. (2020). Aktiviti KoKurikulum di Sekolah Swasta Terpilih Melahirkan Pelajar Berdikari-Analisis Kualitatif. *Borneo International Journal eISSN 2636-9826*, 3(2), 1-5.
- Jabatan Negeri Perak (JPN Perak). Bilangan calon yang mengambil Subjek Perniagaan di Perak pada tahun 2023.
- Jun, C., Junhua, C. J., & Robin B. (2021). The impact of entrepreneurship education on the entrepreneurial mindset of college students in China: The mediating role of inspiration and the role of educational attributes. *The International Journal of Management Education*, 19(1), 100296.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2013), Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Putrajaya: Bahagian Pendidikan Guru.

Kementerian Pelajaran Malaysia (2023), Kurikulum Kebangsaan <https://www.moe.gov.my/index.php/dasarmenu/kurikulum-kebangsaan>. Telah diakses pada 12 December 2023 pada 3.00 pm.

Krejcie & Morgan (1970). Determining Sample Size For Research Activities. *Education and Psychological Measurement* 30: 608.

Krishnan, C. D. R., ARAHMAN, R. S. A. R., & Othman, N. (2022). Keberkesanan Modul Komik Mata Pelajaran Perniagaan Tingkatan 4. *Akademika (Isu Khas)*, (92), 163-178.

Laporan Daya Saing Global. (2020). Report in Doing Business 2020.

Lembaga Peperiksaan Malaysia. Lembaga Peperiksaan Malaysia. (2018). Laporan Analisis Keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Tahun 2019. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Lembaga Peperiksaan Malaysia. Lembaga Peperiksaan Malaysia. (2019). Laporan Analisis Keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Tahun 2019. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Lembaga Peperiksaan Malaysia. Lembaga Peperiksaan Malaysia. (2020). Laporan Analisis Keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Tahun 2019. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Lembaga Peperiksaan Malaysia. Lembaga Peperiksaan Malaysia. (2021). Laporan Analisis Keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Tahun 2019. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Lembaga Peperiksaan Malaysia. Lembaga Peperiksaan Malaysia. (2022). Laporan Analisis Keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Tahun 2019. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Lynch, M., Slattsveen, K., Lozano, F., Steinert, M., & Andersson, G. (2017). Examining entrepreneurial motivations in an education context. In *DS 87-9 Proceedings of the 21st International Conference on Engineering Design (ICED 17)* (9), 79-88.

Mack, A. J., White, D., & Senghor, O. (2019). An insight into entrepreneurship education practices in Technical and Vocational Education and Training institutions. *Journal of Global Entrepreneurship Research*, (9), 1-15.

Mambu, C. N., Pangemanan, S. S., & Pandowo, M. (2019). The influence of entrepreneur knowledge, family experience with business, entrepreneurial education on the interest of student entrepreneurship in UKM Universitas Sam Ratulangi. *Jurnal EMBA: Jurnal Riset Ekonomi, Manajemen, Bisnis Dan Akuntansi*, (7), 451-460.

Mohammad, M. & Othman, N. (2018). Tahap kecenderungan dalam pemilihan kerjaya keusahawanan pelajar Kolej Vokasional. *International Journal of Education, Psychology and Counseling Journal*, (3) 18-30.

Mwoma, T., & Pillay, J. (2016). Educational support for orphans and vulnerable children in primary schools: Challenges and interventions. *Issues in Educational Research*, 26(1), 82-97.

Nawang, W. M., & Mamat, I. (2019). Faktor-faktor penentu kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar sekolah menengah. *Akademika*, 89(2), 50-63.

Nawang, W. M. Z. W., & Mamat, I. (2020). Perbezaan Latar Belakang dan Kecenderungan Keusahawanan Pelajar Sekolah Menengah di Terengganu. *Jurnal Pengurusan*, (60), 123-136.

Nooh, M. N. (2023). Lepasan SPM enggan sambung belajar : Tak tahu manfaat sambung belajar. UtusanMalaysia.

<https://www.utusan.com.my/rencana/forum/2023/06/lepasan-spm-enggan-sambung-belajar-tak-tahu-manfaat-sambung-belajar/>

- O'Donald, S., Hatza, N., & Springgay, S. (2015). The Knitivism Club. Dalam Handbook of Public Pedagogy. Routledge. <https://doi.org/10.4324/9780203863688.ch36>. Diakses pada 6 Julai 2023 pada 2.00 pm.
- Omar N. H. & Othman N., (2021). Sikap Keusahawanan dan Pencapaian Prestasi Subjek Perniagaan Murid Sekolah Menengah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(4), 252-264.
- Otache, I. (2019). Enhancing the effectiveness of entrepreneurship education: the role of entrepreneurial lecturers. *Education+Training*, 61(7/8), 918-939.
- Othman, N & Misman, S.S. (2015). Persepsi terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi minat pelajar 4SPH dalam bidang keusahawanan. *Fakulti Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia.(UTM), Akademia* (9), 1-9.
- Rahim, R., & Othman, N. (2022). Minda Usahawan antara Pelajar Lelaki dan Perempuan Pra-Universiti. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(1), 118-131.
- Suhaili, S. H., & Nasri, N. M. (2021). Tahap Penerimaan Murid Sekolah Menengah Rendah Terhadap Elemen Keusahawanan dalam Pembelajaran. *Jurnal Dunia Pendidikan*, (4), 276-284.
- Thangavelu, H. L., Sahid, S., & Othman, N. (2022). Kemahiran Perniagaan Dan Kemenjadian Usahawan Muda Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah *In International Conference On Global Education* pp. 638-648.
- The Global Entrepreneurship Monitor (GEM) 2019 [https://www.gemconsortium.org/report/gem\\_2019-2020-global-report](https://www.gemconsortium.org/report/gem_2019-2020-global-report). Diakses pada 26 Julai 2023 pada 2.00 pm.
- Tie S. T., Arnida A., & Abdullah R. M. (2019). Relationship between the selected factors with entrepreneurial career aspirations among students of community colleges in Malaysia. *KnE Social Sciences*, (3), 53-64.
- Umar. N. & Sahid. S. (2021). Kerangka Konseptual Faktor Kesediaan Menceburi Bidang Keusahawanan Serta Hubungannya dengan Penggunaan Media Sosial Terhadap Tingkah Laku Keusahawanan dalam Kalangan Graduan di Lembah Klang. *Prosiding Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam*. (1), 36-49.
- Villalobos, A. S., Dulce, A. C., Fontilar, L. J., Gutierrez, D. C., Sawali, R. A. C., & Almero-Encio, H. (2016). Benefits of co-curricular activities to academic performance of financial and management accounting students. *Asia Pacific Journal of Arts and Sciences*, 3(1), 83-93.
- World Economic Forum. (2018). The Global Competitiveness Report 2018.
- Yangjie H., Yanzi H., Zehai L., and Da X. (2021). How to improve entrepreneurship education in "double high-level plan" higher vocational colleges in China. *Front Psychol*, (12), 1-12.
- Yasin, R. M., & Azmi, S. N. (2020). Pengaruh Pendekatan Pengajaran Terhadap Ciri-Ciri Keusahawanan Dan Minat Pelajar B40 Menjadi Usahawan. *In Conference Of Future Education And Advances (ICOFEA) 2020*. (1) 541-548.
- Yatim, R. & Idris, M. S. (2016). Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Perniagaan dan Keusahawanan Dalam Kalangan Guru Kemahiran Hidup Sekolah Rendah di Daerah Batu Pahat Dari Persepsi Pelajar. Tesis Sarjana Muda.UTHM. *Online Journal TVET Practitioners*. (1), (1- 16).
- Yunita, R., & Hajati, D. I. (2019). Analisis Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Minat Berwirausaha di Kalangan Mahasiswa Politeknik Kotabaru. Al-Ulum: *Jurnal Ilmu Sosial dan Humaniora*, 5(2), 1-12.